

Vaksin, kadar suntikan semakin meningkat

Oleh **DATO' AHMAD AMZAD HASHIM**
Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi



APABILA Perdana Menteri, YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin menyebut bahawa, 'kita tidak menerima Vaksin sepertimana dtempah', beliau sebenarnya merujuk kepada masalah penghantaran vaksin oleh pengilang ke Malaysia. Bukan bermaksud kita beli tapi vaksin tidak dapat.

Penghantara bekalan vaksin terganggu di seluruh dunia. Kita boleh laksanakan 400 ribu suntikan sehari dengan persiapan yang telah dibuat. Tetapi tertakluk kepada bekalan Vaksin tiba, adakah mengikut jadual penghantaran atau tidak.

Misalnya pada Februari 2021 ketika kita hendak mulakan Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan, Kesatuan Eropah telah mengumumkan sekatan eksport untuk semua produk Vaksin Covid-19 dari dibawa keluar dari Eropah kerana mahu vaksin yang dikilangkan di Eropah didahulu-

kan kepada negara Eropah.

Pfizer yang dikilangkan di Belgium dijadualkan dihantar ke Malaysia. Kita perlu memohon pengecualian khas sekatan eksport ketika itu.

Alpha, Beta dan Delta,

Begitu juga sekarang bila timbul varian virus Covid-19 yang baharu seperti Alpha, Beta dan Delta, suasana panik di kalangan negara maju yang mahu mempercepat pencapaian *herd immunity* di negara masing-masing; menyebabkan mereka menekan penge-

luar Vaksin sehingga mengganggu penghantaran bekalan vaksin ke negara lebih kecil, dan mendapat Vaksin pada harga lebih murah seperti Malaysia berbanding harga yang dibayar oleh negara kaya seperti mereka.

Astrazeneca sebagai contoh sebahagiannya dikilangkan di kilang mereka di Thailand. Apabila kilang berkenaan dibesarkan untuk menambah kapasiti pengeluaran ekoran permintaan yang meningkat di seluruh dunia, sebahagian fasiliti kilang perlu dihentikan operasi kerana memasukkan mesin, peralatan baru

yang menyebabkan jadual mereka berubah beberapa minggu.

Kadar utilisation Vaksin di Malaysia sekarang adalah purata lebih 85 peratus, sangat tinggi. Bermaksud program PICK dilaksanakan dengan sangat bersungguh di lapangan sehingga bekalan Vaksin yang tiba tidak menunggu lama sebelum disuntik kepada penerima.

Malaysia mula menerima lebih banyak vaksin mulai pertengahan Jun 2021 dan jika penghantaran bekalan tidak terganggu, Julai, Ogos kita boleh laksanakan 300,000 hingga 400,000 suntikan sehari.